



## KERAJAAN MALAYSIA

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2008

### IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI 2008

#### TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2008.

#### LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2008 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagai menghargai peningkatan produktiviti dan sumbangannya kepada pembangunan negara. Imbuhan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang ditetapkan adalah sebanyak satu

bulan gaji atau minimum RM1,000.00 bagi pegawai yang genap satu tahun kalendar perkhidmatan bagi tahun 2008.

## **PELAKSANAAN**

### **Pegawai Yang Layak**

3. Pegawai yang layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut:

- a. pegawai tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrak dan guru sandaran;
- b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib iaitu amaran atau amaran keras;
- d. pemandu yang dilantik oleh pegawai Jawatan Utama ‘B’ dan ke atas serta Gred Khas ‘A’ dan ke atas; dan
- e. pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula kontrak perkhidmatannya.

### **Pegawai Yang Tidak Layak**

4. Pegawai yang tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang mengambil Cuti Tanpa Gaji sepanjang tahun 2008;
- b. pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasangkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2008;
- c. pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2008;
- d. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 2008; dan
- e. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman yang dinyatakan di perenggan 3(c).

## **Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi**

5. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 3(c).

## **Kaedah Pembayaran**

6. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai yang berkhidmat pada tahun 2008. Perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah tertakluk kepada genap satu bulan perkhidmatan. Kiraan genap satu bulan perkhidmatan bermaksud satu bulan kalender.

7. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dibayar berdasarkan gaji bulan Ogos 2008. Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah diselaraskan jika terdapat perubahan gaji pegawai pada bulan September hingga Disember 2008. Bagi tujuan pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, maksud gaji pegawai adalah:

- a. gaji, dan bagi pegawai yang memangku termasuk Elaun Pemangku; atau
- b. gaji yang diberi atas sebab peminjaman/pertukaran sementara.

8. Pegawai akan dibayar sebanyak separuh daripada Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada bulan September 2008 dan separuh/baki pada bulan Disember 2008.

9. Pegawai yang dilantik mulai bulan Januari hingga September 2008, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah dibayar secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan berdasarkan gaji akhir yang diterima.

10. Pegawai yang dilantik mulai 1 Oktober 2008, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan dibuat berdasarkan gaji lantikannya dan dibayar secara *proportionate*.
11. Pegawai yang bersara/meninggal dunia/letak jawatan/tamat perkhidmatan/tamat kontrak, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan berdasarkan gaji akhir yang diterima.
12. Pegawai yang bersara dan dilantik semula, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah secara *proportionate* berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara. Bagi tempoh dilantik semula, perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru. Penjelasan adalah seperti di perenggan 1, **Lampiran A**.
13. Pegawai yang dinaikkan pangkat/dipinjamkan/ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan selepas 1 haribulan pada sesuatu bulan, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi bulan itu dan tempoh sebelumnya hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan lama. Bagi tempoh selepas bulan berkenaan perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru.
14. Pegawai yang mengambil Cuti Tanpa Gaji tetapi tidak sepanjang tahun, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan.
15. Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan. Sekiranya bilangan hari bekerja dalam sebulan adalah kurang daripada 21 hari, perkiraan bilangan hari bekerja adalah berdasarkan hari bekerja tertinggi dalam bulan berkenaan.

16. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji pegawai tahun 2008. Penjelasan adalah seperti di perenggan 2, **Lampiran A**.

### **JABATAN YANG MEMBAYAR**

17. Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran atau jabatan terakhir di mana pegawai bertugas sebelum bersara, berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta.

### **TARIKH KUAT KUASA**

18. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

### **PEMAKAIAN**

19. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

9 September 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### PENJELASAN PELAKSANAAN IMBUHAN TAHUNAN / BAYARAN KHAS PRESTASI 2008

(Perenggan 12 dan 16, Pekeling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008)

1. Pegawai yang bersara dan dilantik semula, perkiraan Imbuhan Tahunan adalah secara *proportionate* berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara. Bagi tempoh dilantik semula, perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru.

Bersara pada 6 Mac 2008.

Gaji akhir yang diterima: RM 6,150.04 (Gred M54 : P1T5)

Dilantik semula pada 1 Julai 2008

Gaji jawatan baru: RM 6,379.64 (Gred M54 : P1T6)

Perkiraan Imbuhan Tahunan :

$$(2/12 \times \text{RM } 6,150.04) + (6/12 \times \text{RM } 6,379.64) = \text{RM } 4,235.33$$

Dibayar separuh daripada Imbuhan Tahunan pada September dan separuh/baki pada Disember.

2. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji pegawai tahun 2008.

Situasi :

Surat pemakluman kenaikan pangkat dikeluarkan dalam tahun 2009 dan tarikh kenaikan pangkat itu dikebelakangkan pada tahun 2008.

Penjelasan :

Imbuhan Tahunan/Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2008 tidak boleh diselaraskan.